

Naskah Percuma

Buletin Majlis Daerah Marang Bil. 1 2024

Buletin



Majlis Daerah Marang MDM

Januari - Jun 2024

SEKITAR MAJLIS ANGKAT SUMPAAH



MENARIK DI DALAM

**AGENDA NASIONAL
MALAYSIA SIHAT (ANMS)**

**BENGKEL PENINGKATAN
HASIL**

**PROGRAM PUBLISITI
AWAL DAN TOWNHALL**

**PROGRAM SEPANJANG
BULAN RAMADAN**

**KEJOHANAN SUKAN
DALAMAN**

**PROGRAM GOTONG-ROYONG
IBADAH KORBAN**

Sidang Pengarang

PENAUNG

YBrs. Haji Lukema Meri bin Salleh@ Abdul Latif
Yang Dipertua

PENASIHAT

Encik Mohd Yusof bin Salleh
Setiausaha

KETUA PENGARANG

Encik Mohd Ruqaim Asyraf bin Sulaiman

PENGARANG

Puan Nurnadira binti Mohd Nazri

EDITOR

Puan Ilyani binti Ibrahim
Puan Sarifah Azura binti A.Bakar

JURUFOTO

Ahmad Aqil Izzudin bin Mohd Zulkurnin
Encik Mohd Faiq bin Mamat

BULETIN MAJLIS DAERAH MARANG diterbitkan oleh Unit Perhubungan Awam dan Korporat Majlis Daerah Marang dua (2) kali setahun dan diedarkan secara percuma. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada :

**Unit Perhubungan Awam dan Korporat
Majlis Daerah Marang**

HAK CIPTA TERPELIHARA.

Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat Majlis Daerah Marang.



KANDUNGAN

Muka Surat
2

Perutusan Yang Dipertua

Muka Surat
3

Majlis Amanat Tahun Baru Yang Dipertua MDM 2024 dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

Muka Surat
3

Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MDM bagi sesi 2024-2026

Muka Surat
4-5

Kunjungan Hormat

Muka Surat
6

Penyediaan Laporan Terma Rujukan (TOR) Pelan Tindakan Bandar Pintar Daerah Marang

Muka Surat
6

Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Terengganu Kali Pertama Tahun 2024

Muka Surat
7

Bengkel Peningkatan Hasil Majlis Daerah Marang (MDM) Tahun 2024

Muka Surat
7

Bengkel Penulisan Pelan Tindakan Bandar Pintar Daerah Marang 2030 di Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu

Muka Surat
8

Program Publisiti Awal dan Townhall Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pembangunan TOD Stesen ECRL Kuala Terengganu, Durian Guling, Marang

Muka Surat
8

Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2024 (SPB-PBT)

Muka Surat
9

Sesi Perbincangan Berkaitan Pembinaan Bangunan Air Nira Untuk Koperasi Dataran Batu Putih Marang Berhad

Muka Surat
9

Sesi perjumpaan NGO-NGO Marang bersama Pengurusan Majlis Daerah Marang (MDM)

Muka Surat
9

Lawatan Penanda Aras Bagi Skop Pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR/ABMS) MS ISO 37001:2016

Muka Surat
10

Perbincangan Bagi Membincang Status Program Pembangunan Integriti Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (PIBK)

Muka Surat
10

Sesi Perbincangan Konstruktif Bersama Pemantau PIBK Daerah Marang

Muka Surat
11

Kejohanan Sukan Dalam-dalam Antara Kakitangan MDM

Muka Surat
12

Lawatan Tapak Program Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)

Muka Surat
12

Program Jom Sihat Dan Gotoing-royong Warga MDM di Pulau Kekabu

Muka Surat
13

Gotong-Royong Membersihkan Kawasan Tanah Lapang Berhadapan Kompleks Sukan Wakaf Tapai

Muka Surat
13

Karnival Gaya Hidup Sihat Majlis Daerah Marang 2024 Di Bawahprogram Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB)

Muka Surat
14-16

Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)Majlis Daerah Marang, Taman Rekreasi Keluarga Pulau Kekabu

Muka Surat
16

Program Sepanjang Bulan Ramadan Penyampaian Buah Kurma Sempena Ramadhan 1445H

Muka Surat
16

Semarak Kasih Ramadan

Muka Surat
17

Program Sepanjang Bulan Ramadan Penyampaian hamper raya kepada semua Ex-Officio dan Ahli Majlis MDM oleh Tuan Yang Dipertua

Muka Surat
18

Sesi Menyantuni Peniaga Peniaga Dan Pengunjung Di Bazar Ramadan Wakaf Tapai

Muka Surat
19

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Muka Surat
20

Program Gotong-Royong Ibadah Korban

Muka Surat
21

Majlis Apresiasi Ahli Majlis MDM 2024

Muka Surat
22

Program Pengumpulan Barang Buangan Elektrik Dan Elektronik

Muka Surat
23

Belasungkawa





Perutusan YANG DIPERTUA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Sekalung tahniah dan terima kasih kepada urusetia dan warga MDM khususnya di atas penerbitan Buletin MDM Bil.1/2024. Dengan adanya penerbitan buletin ini, dapat memberikan maklumat bukan sahaja laporan berkenaan aktiviti Majlis Daerah Marang malah ia menjadi satu saluran rasmi Informasi yang dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada kakitangan MDM malah seluruh penduduk daerah Marang.

Tahun 2024 merupakan tahun yang gemilang bagi seluruh warga MDM kerana telah berjaya menempa pelbagai kejayaan. Semua kejayaan yang dirangkul ini adalah hasil usaha dan kerjasama semua pihak yang bekerja di dalam satu pasukan. Kejayaan ini juga membuktikan seluruh warga MDM memberi komitmen yang tinggi di dalam melaksanakan tugas.

Justeru melalui penerbitan Buletin MDM ini, diharapkan dapat menjadi wadah untuk mendekatkan lagi warga daerah Marang dengan pihak MDM. Buletin ini akan menampilkan maklumat dan berita terbaru berkenaan MDM.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbang buah fikiran dan menjalankan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab demi mencapai kecemerlangan organisasi. Sehingga kita berjumpa lagi dalam keluaran akan datang.

Sekian, terima kasih

TUAN HAJI LUKEMA MERI BIN SALLEH @ ABDUL LATIF

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Marang



Majlis Amanat Tahun Baru Yang Dipertua MDM 2024 dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

17 Januari 2024

Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh @ Abdul Latif, Yang Dipertua Majlis Daerah Marang (MDM) hari ini menyampaikan amanat kepada Ahli Majlis dan kakitangan MDM sempena Majlis Amanat Tahun Baru dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Tahun 2024.



Majlis Angkat Sumpah

Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MDM bagi sesi 2024-2026

Sesi ini telah diketuai oleh Pegawai Daerah dan Pentadbir Tanah Marang, YBrs. Encik Zulkify bin Isa disaksikan dihadapan Yang Dipertua Majlis Daerah Marang, YBrs. Haji Lukema Meri bin Salleh@Abdul Latif. Pada sesi kali ini, seramai 22 orang Ahli Majlis termasuk 4 orang ex-officio telah melakukan acara mengangkat sumpah penerimaan jawatan Ahli Majlis MDM bagi penggal 2024-2024.

Turut hadir pada majlis ini adalah Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong, ADUN Pengkalan Berangan dan YBrs. Encik Sabri bin Zakaria yang mewakili YAB Menteri Besar yang juga merupakan ADUN Ru Rendang.





Kunjungan Hormat

Pengetua dan pihak pengurusan
Sek. Men. Agama Sultan Zainal Abidin



Sesi kunjungan hormat kepada
Tuan Haji Suhaimi Bin Ali @ Ahmad,
Timbalan Ketua Setiausaha
(Perumahan Dan Kesejahteraan
Komuniti) KPKT.



Yang Dipertua Majlis Daerah Marang Terengganu Ke Pejabat Ketua Pengarah PLAN Malaysia, Putrajaya

YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli telah menyampaikan sijil penghargaan Bandar Mampan 2023 kepada Majlis Daerah Marang atas pencapaian dan komitmen MD Marang dalam melaksanakan inisiatif pembangunan mampan melalui pengukuran Malaysia Urban Rural National Indicators Network for Sustainable Development (MURNInets).



Branch Manager MBSB Bank,
Mohd Roslan bin Mohd Zainuddin dan
Regional Deposit Manager MBSB Bank,
Puan Nurasyikin binti Mohd Akhir



Pengurus Bank Rakyat cawangan Marang,
diketuai oleh En. Omar @ Mohd Fadli bin Yaacob

Sesi kunjungan hormat daripada Regional Office dan Agrobank Bukit Payong



Kunjungan hormat oleh En. Ruzaidi bin Mamat, Pengarah Perikanan Negeri Terengganu



Kunjungan hormat oleh Permint Granite-HCM

En Muhammad Syaharizam bin Mat Hassin, Supervisor Permint Granite-HCM dan En Nik Mohd Hasmizan bin Mohd Nizam, Technical Executive Permint Granite-HCM



Kunjungan hormat oleh Dr Elyas bin Ahmad, Pegawai Kesihatan Marang

Kunjungan hormat dan penyerahan penyata kewangan MDM 2023

Sesi kunjungan hormat dan penyerahan penyata kewangan MDM 2023 kepada Pengarah Audit Negeri Terengganu, YBrs. Encik Zulkifli bin Tunggal di Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu. Delegasi daripada Majlis Daerah Marang telah diketuai oleh Yang Dipertua, Haji Lukema Meri bin Salleh@ Abdul Latif.



Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Marang

Sesi kunjungan hormat oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Marang yang diketuai oleh, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat yang baharu PKPgB Che Mohd Badrul Isham bin Che Mohd Noor kepada Yang Dipertua, Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh@Abdul Latif





Penyediaan Laporan Terma Rujukan (TOR)

Pelan Tindakan Bandar Pintar Daerah Marang

9 Januari 2024

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Marang, YBrs. Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh @ Abdul Latif bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, MDM telah diadakan bagi semakan untuk mendapatkan kelulusan bersama Jawatankuasa Pemandu Bandar Pintar Daerah Marang.

Majlis Daerah Marang sedang dalam peringkat penyediaan Laporan Terma Rujukan (TOR) Pelan Tindakan Bandar Pintar Daerah Marang.



Mesyuarat Jawatankuasa

Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Terengganu Kali Pertama Tahun 2024

5 Mac 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Terengganu Kali Pertama Tahun 2024 yang telah dipengerusikan oleh YB Dato Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Terengganu bertempat di Bilik Mesyuarat Utama (Bilik Casuarina) Majlis Daerah Marang.



Bengkel Peningkatan Hasil

Majlis Daerah Marang (MDM) Tahun 2024



Bengkel Peningkatan Hasil Majlis Daerah Marang (MDM) 2024 telah berlangsung pada 29-31 Januari 2024 bertempat di Manor Beach Resort, Besut. Bengkel yang diketuai oleh Tuan Yang Dipertua ini telah disertai oleh Tuan Setiausaha bersama Ahli-ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MDM.

Pelbagai strategi dan inisiatif telah dirangka bagi mempertingkatkan pendapatan MDM bagi tahun 2024. Semoga semua perkara yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bengkel Penulisan Pelan Tindakan

Bandar Pintar Daerah Marang 2030 di Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu

21 Mei 2024

Bengkel yang telah diadakan selama dua hari ini telah disertai pegawai-pegawai MDM daripada Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap serta turut dihadiri pegawai-pegawai daripada PLANMalaysia Terengganu.





Program Publisiti Awal dan Townhall

Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pembangunan TOD Stesen ECRL Kuala Terengganu, Durian Guling, Marang

29 April 2024

Majlis Daerah Marang bersama-sama PLANMalaysia Terengganu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Bahagian Rancangan Pejabat Projek Zon Timur telah mengadakan Program Publisiti Awal dan Townhall bersama pihak berkepentingan bagi Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pembangunan TOD Stesen ECRL Kuala Terengganu, Durian Guling, Daerah Marang.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Ustaz Sulaiman bin Sulong (ADUN Pengkalan Berangan) yang turut dihadiri Yang Dipertua Majlis Daerah Marang, YBrs. Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh @ Abdul Latif dan melibatkan pihak berkepentingan iaitu komuniti, persatuan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta jabatan / agensi teknikal untuk mendapatkan maklumat dan input awal berkaitan isu strategik, potensi dan konsep pembangunan serta rekabentuk pembangunan TOD



Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2024 (SPB-PBT)

Majlis Daerah Marang Telah Diaudit Oleh Pasukan Inspektorat Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

25 Jun 2024



Sesi Perbincangan

Berkaitan Pembinaan Bangunan Air Nira Untuk Koperasi Dataran Batu Putih Marang Berhad

13 Mac 2024

Sesi Perbincangan diketuai oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Marang, Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh @ Abdul Latif bersama beberapa pegawai MDM dan pihak MARA berkaitan pembinaan bangunan air nira untuk Koperasi Dataran Batu Putih Marang Berhad di bawah kelulusan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).



Sesi Perjumpaan NGO-NGO Marang Bersama Pengurusan Majlis Daerah Marang (MDM)

10 Mac 2024

Sesi perjumpaan ini telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh@Abdul Latif. Turut hadir pada sesi ini ialah YBhg. Dato' Haji Yahaya bin Ali, Pengerusi Muafakat NGO-NGO Daerah Marang. Pelbagai perkara dan isu telah dibincangkan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat di Daerah Marang. Semoga usaha murni ini akan terus berjalan lancar demi memastikan penduduk di daerah ini mendapat manfaat dan perkhidmatan yang terbaik.



Lawatan Penanda Aras

Bagi Skop Pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR/ABMS) MS ISO 37001:2016

23 Mei 2024

Satu lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka telah diadakan pada 23 Mei 2024. Lawatan ini bertujuan mendalami skop pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR/ ABMS) MS ISO 37001:2016 yang telah dibangunkan di jabatan tersebut. MDM juga dalam usaha untuk mewujudkan Sistem Pengurusan Anti Rasuah bagi persijilan MS ISO yang akan datang.





Perbincangan Bagi Membincang Status

Program Pembangunan Integriti Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (PIBK)

3 Mac 2024

Perbincangan bagi membincang status Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (PIBK) di Majlis Daerah Marang bersama pihak Transparency International Malaysia (TI) dan ketua-ketua pemantau bagi setiap zon serta pegawai-pegawai MDM.



Sesi Perbincangan Konstruktif

Bersama Pemantau PIBK Daerah Marang

1 April 2024

Sesi Perbincangan Konstruktif bersama Pemantau PIBK Daerah Marang dan juga pasukan daripada Transparency International Malaysia. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Marang, YBrs Haji Lukema Meri bin Salleh @Abdul Latif. Turut diadakan adalah Iftar Ramadan bersama semua ahli pasukan PIBK Daerah Marang.



Satu sesi perjumpaan dan kunjungan oleh Mr Martin Zapata daripada International Anti-Corruption Academy (IACA) Laxenburg, Austria dan pegawai-pegawai daripada Transparency International Malaysia berkaitan Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (PIBK) di Majlis Daerah Marang.



Kejohanan Sukan Dalamam

Antara Kakitangan MDM

Kejohanan Sukan Dalamam Antara Kakitangan MDM telah diadakan di Kompleks Sukan Wakaf Tapai, Marang dan Dewan Utama Majlis Daerah Marang.

Acara tenpin boling turut disertai oleh Tuan Yang Dipertua dan Setiausaha.





Lawatan Tapak Program Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)

14 May 2024

Program ini dijadualkan pada 29 Jun 2024 (Sabtu) di Taman Rekreasi Pulau Kekabu, Marang



Program Jom Sihat Dan Gotong-royong Warga MDM di Pulau Kekabu

18 Januari 2024



Gotong-Royong

Membersihkan Kawasan Tanah Lapang Berhadapan Kompleks Sukan Wakaf Tapai

9 Jun 2024

Gotong-Royong Membersihkan Kawasan Tanah Lapang Berhadapan Kompleks Sukan Wakaf Tapai. Terima kasih diucapkan kepada Pejabat Daerah Marang yang turut sama menyertai sesi gotong-royong hari ini.



Karnival Gaya Hidup Sihat

Majlis Daerah Marang 2024 Di Bawah Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB)

16 Mei 2024

Program yang telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Marang ini telah menarik ratusan peserta yang terdiri daripada kakitangan agensi dan jabatan di daerah Marang serta warga penduduk setempat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah senamrobik, 'Fun Walk', Pertandingan Basikal Lambat dan juga Pertandingan Mewarna melibatkan pelajar-pelajar tadika. Ribuan terima kasih diucapkan kepada beberapa agensi di daerah Marang yang turut menjayakan program hari ini seperti Balai Bomba dan Penyelamat Marang, AADK Daerah Marang, Pejabat Kesihatan Daerah Marang, Pejabat KEMAS Daerah Marang serta APM Daerah Marang. Aktiviti sebegini diharapkan dapat memupuk gaya hidup dan pemakanan sihat dalam kalangan warga Marang amnya dan kakitangan MDM khususnya.



Program Muhibbah Candat Sotong

Pada 11 hingga 12 Mei 2024 bertempat di kawasan perairan Daerah Marang, Terengganu

11 Mei 2024

Program ini diketuai oleh YBhg. Dato' Baidzawi Che Mat (Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC) bersama YBhg Dato Haji Wan Adnan bin Wan Derahman (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMINT), turut serta Dato' Haji Azmal bin Azaddin (Ketua Pegawai Operasi PMINT), En. Anuar bin Abdullah (Ketua Pegawai Korporat PMINT), Haji Lukema Meri bin Salleh @ Abdul Latif (Yang Dipertua Majlis Daerah Marang) dan En. Wan Muhd Mashum bin Wan Harujan (Timbalan Pengarah (MAKRO) UPEN).

Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi mengeratkan ukhuwah dan menjalinkan hubungan yang baik di antara PMINT, ECERDC dan Agensi Kerajaan Terengganu. Program ini mendapat sambutan dan kerjasama yang baik daripada delegasi dan pelbagai perkongsian dapat dibincangkan.

Semoga program ini dapat mengeratkan lagi hubungan yang antara agensi - agensi yang terlibat dalam usaha untuk membangunkan ekonomi di Negeri Terengganu





Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)

Majlis Daerah Marang, Taman Rekreasi Keluarga Pulau Kekabu

29 Jun 2024

Program Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Indahnya Marang telah diadakan di Taman Rekreasi Keluarga Pulau Kekabu, Marang. Program yang telah dirasmikan oleh YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu ini telah menampilkan pelbagai aktiviti yang menarik. Antara aktiviti yang dijalankan adalah senamrobik, acara berbasikal 'Fun Ride' lawatan ke tapak lukisan mural 'Street Art For Cities: Mental Health', demonstrasi beruk memetik buah kelapa di atas pokok, lawatan ke tapak projek Bandar Selamat, lawatan ke Tapak Recreational Vehicle (RV) dan juga pertunjukan seni pertahanan diri Karate Do oleh anggota-anggota PDRM.

Terdapat juga beberapa jabatan dan agensi yang turut mengambil bahagian dalam program kali ini seperti pameran dan pemeriksaan kesihatan oleh KKM, pameran oleh Jabatan Bomba, UniSZA dan pelbagai lagi. Turut hadir ke program hari ini ialah Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) YBhg. Dato' TPR. Alias bin Rameli, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, YBhg. Dato' Dr. Hjh Kasemani binti Embong, Datuk Bandar MBKT, YBhg. Dato' Haji Rosli bin Latif, Pegawai Daerah Marang, YBrs. Encik Zulkifly bin Isa, Yang Dipertua MDM, YBrs. Haji Lukema Meri bin Salleh@Abdul Latif, dan Ketua Polis Terengganu, YDH. DCP Dato' Mohd Khairi bin Khairudin.







Program Sepanjang Bulan Ramadan

Penyampaian Buah Kurma Sempena Ramadan 1445H

11 Mac 2024

Program Penyampaian Buah Kurma Sempena Ramadan 1445H Kepada Semua Ahli KESUKMAR oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh@Abdul Latif bersama Tuan Setiausaha, Encik Mohd Yusof bin Salleh dan barisan pengurusan tertinggi KESUKMAR.



Pelancaran Ihya' Ramadan Peringkat Majlis Daerah Marang Tahun 1445H/2024M

14 Mac 2024



Semarak Kasih Ramadan

Bubur Lambuk

25 Mac 2024



Ride Sahur

27 Mac 2024



Program Sepanjang Bulan Ramadan

Penyampaian hamper raya kepada semua Ex-Officio dan Ahli Majlis MDM
oleh Tuan Yang Dipertua

25 Mac 2024



Pemberian Sumbangan
Baucar Pembelian
dan Duit Raya Tahun
1445H/2024M
daripada Kelab
Kebajikan dan Sukan
Majlis Daerah Marang



Program Madinah Ramadan Peringkat Daerah Marang Tahun 1445H/2024M &
Majlis Khatam Al Quran Perdana di Masjid Bukit Payong, Marang, Terengganu

28 Mac 2024

Dirasmikan oleh YB Dato' Hj Mohd Nor bin Hamzah, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu merangkap ADUN Bukit Payong. Program ini turut dihadiri Yang Dipertua Majlis Daerah Marang, Haji Lukeme Meri bin Salleh @ Abdul Latif bersama ketua-ketua Jabatan Daerah Marang.





Sesi Menyantuni Peniaga

Peniaga Dan Pengunjung Di Bazar Ramadan





Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Peringkat Majlis Daerah Marang 1445H/2024M



Dewan Utama MDM

18 April 2024





Program Gotong-Royong Ibadah Korban

Sempena Hari Raya Aidiladha 1445H / 2024M Dan Pengindahan Taman Rekreasi Keluarga Pulau Kekabu



20 Jun 2024

Program Gotong-Royong Ibadah Korban Sempena Hari Raya Aidiladha 1445H/2024M dan Pengindahan Taman Rekreasi Keluarga Pulau Kekabu. Sebanyak 3 ekor lembu telah dikorbankan pada hari ini. Yang Dipertua MDM, Haji Lukema Meri bin Salleh@ Abdul Latif telah menyampaikan sumbangan daging korban kepada penduduk di sekitar Bandar Marang.



MAJLIS APRESIASI Ahli Majlis MDM 2024

9 Jun 2024

Majlis ini telah dihadiri oleh 6 orang mantan Ahli Majlis yang telah menamatkan perkhidmatan bagi sesi 2022-2024. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua Ahli Majlis yang telah memberikan pelbagai sumbangan dalam bentuk lontaran idea, pandangan, teguran dan juga penyampaian permasalahan dan aduan penduduk setempat yang menjadi sumber maklumat kepada pihak MDM untuk mengambil tindakan pantas dan efisien. Semoga ukhuwwah yang terjalin akan terus utuh sehingga ke akhir hayat. Selamat maju jaya diucapkan kepada semua mantan Ahli Majlis MDM bagi sesi 2022-2024.

**Kalau tuan ke Tertak Batu,
Jangan lupa ke Kg. Batangan,
Biar jauh beribu batu,
Hilang di mata di hati jangan**





Program Pengumpulan Barang Buangan Elektrik Dan Elektronik

22 Jun 2024

MDM dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu dan syarikat pengumpulan barangan e-waste telah mengadakan program pengumpulan barangan buangan elektrik dan elektronik bertempat di Hentian Bas Bandar Marang pada 22 Jun 2024 jam 9.00 pagi.



Setiap barang buangan e-waste yang diterima daripada orang ramai akan dibayar mengikut jenis barangan. Program e-waste ini merupakan kali ke 3 yang dilaksanakan pada tahun 2024 di Daerah Marang. Sebelum ini program yang sama telah diadakan di Taman Safiah Murni Padang Mengkuang Bukit Payong pada 27 Januari 2024 dan di Dewan Sivik Bukit Payong pada 6 April 2024. MDM akan melaksanakan 5 program pengumpulan barangan e-waste pada tahun 2024.



Belasungkawa

Program ziarah keluarga arwah Azhar bin Mohamed, kakitangan MDM yang telah meninggal dunia pada 2 Mei 2024 oleh pengurusan Tertinggi Kelab Kebajikan dan Sukan MDM (KESUKMAR). Pada program ini, Yang Dipertua Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh@ Abdul Latif telah menyampaikan sumbangan daripada KESUKMAR kepada isteri arwah.



Yang Dipertua bersama Tuan Setiausaha dan pengurusan Kelab Kebajikan dan Sukan MDM (KESUKMAR) menziarahi Encik Mohd Shukri bin Abdullah, kelindan lori sampah Zon 2B yang mengalami kemalangan semasa menjalankan tugas dan Encik Ahmad Muzakir Haziq bin Mohd Noor, kelindan lori sampah di zon sama yang mengalami kesakitan pada jantung. Pihak MDM telah memberi sumbangan berbentuk hamper kepada kakitangan yang terlibat.







Pantai Pulau Kekabu

Marang, Terengganu

[#marangbandarmampan](#)
[#bandarbahagiaberdayahuni](#)



+609-618 2366



Majlis Daerah Marang



majlis daerah marang



mdmarang@terengganu.gov.my



www.mdmarang.gov.my



SIRIM

